

09 JAN 1997

Mahathir-Hashimoto

DR MAHATHIR UCAP SELAMAT JALAN KEPADA HASHIMOTO (Dengan Gambar)

KUALA LUMPUR, 9 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengunjung rakan sejawatan Jepunnya Ryutaro di sebuah hotel di sini untuk mengucapkan selamat jalan kepadanya selepas melawat Malaysia selama dua hari.

Dr Mahathir berbual selama 30 minit dengan Perdana Menteri Jepun itu yang kemudiannya berlepas ke Indonesia.

Hashimoto yang tiba di sini semalam dengan rombongan seramai 72 anggota telah mengadakan perbincangan dua hala dengan Dr Mahathir dan diikuti oleh satu mesyuarat perwakilan.

Hashimoto sedang dalam rangka lawatan selama lima hari ke lima negara Asia Tenggara. Malaysia merupakan negara kedua dalam lawatan itu selepas Brunei.

-- BERNAMA